

TEKS UCAPAN NAIB CANSELOR
Di Majlis
PERASMIAN 1 MEGALAB

Oleh Ketua Pengarah, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
23 Mac 2009, Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah

Bismillahir Rahmannir Rahim

Assalammualaikum wbt. dan Salam Sejahtera

Terima kasih pengacara majlis

Yang Berbahagia Dato' Ir. Dr. Radin Umar bin Radin Sohadi
Ketua Pengarah, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

Pegawai-Pegawai Utama UMS,

Yang Berusaha Puan Dg Rukiah Ag Amit,
Pemangku Ketua Pustakawan UMS,

Para Dekan, Ketua-ketua Jabatan,

Para Jemputan, Para Pelajar, Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian,

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan izin dan perkenan-Nya maka kita dapat bersama-sama berada di majlis perasmian 1 Megalab pada pagi yang bersejarah ini

Saya bagi pihak Universiti Malaysia Sabah amat mengalu-alukan kedatangan YBhg Dato' Ketua Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Walau pun Yang Berbahagia Dato' begitu sibuk dengan tuntutan tugas pada setiap waktu dan saban hari, namun Yang Berbahagia Dato' sanggup juga turun padang bersama-sama dengan kami pada pagi ini.

Saya juga merakamkan penghargaan dan tahniah kepada Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dan juga Unit Media dan Teknologi Pendidikan (UMTP) Universiti Malaysia Sabah , selaku Jawatankuasa Bersama di atas segala usaha, kesungguhan dan juga komitmen yang ditunjukkan bagi menjayakan majlis ini.

YBhg Dato', Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Umum mengetahui dan mengakui bahawa ilmu pengetahuan adalah merupakan salah satu asset terpenting dalam menentukan kemajuan sesebuah masyarakat dan juga negara. Dengan kemajuan teknologi IT dan ICT seseorang itu kini boleh mendapat segala maklumat yang diperlukan secara lebih mudah, cepat dan tepat tanpa halangan-halangan fizikal, geografi maupun masa. Inilah sebenarnya yang dikatakan dunia atau masyarakat tanpa sempadan (borderless world atau borderless society), globalisasi (globalization) ataupun perkampungan sejagat (global village), dan banyak lagi istilah-istilah lain yang memberi maksud yang sama, di mana ilmu pengetahuan itu kini menjadi kunci kekuatan dalam menghadapi dunia persaingan yang lebih terbuka dan mencabar.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Sumber ilmu pengetahuan untuk tujuan pembelajaran, pengajaran, penyelidikan serta penulisan pada masa kini tidak lagi hanya terbatas kepada sumber dalam bentuk bahan bercetak atau nota-nota kuliah. Kemajuan IT dan ICT telah membolehkan kita pada hari ini memperoleh dan mengaksesnya dalam bentuk elektronik atau secara online menerusi komputer dan internet. Ia memberi banyak faedah dan kelebihan kepada para pelajar, ahli akademik dan juga para penyelidik di mana sumber ilmu pengetahuan ini mampu dicapai dan digunakan secara online oleh ramai pengguna dalam satu masa secara lebih mudah, lebih cepat dan lebih berkesan, tanpa mengira tempat dan masa.

Buku-buku elektronik (e-books), jurnal elektronik (e-journals), Pangkalan Data Elektronik (e-database) dan maklumat-maklumat berkaitan daripada internet adalah sebahagian daripadanya. Selain itu, dengan adanya komputer dan internet juga membolehkan sistem pembelajaran dan pengajaran secara online diadakan di universiti. Komputer juga pada zaman ini diibaratkan umpama pensil yang digunakan dalam pembelajaran sehari-hari.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Jumlah komputer yang terdapat di UMS sebelum ini ialah pada nisbah 1 komputer kepada 30 orang pelajar (1:30) dan kebanyakannya komputer tersebut tidak dapat digunakan sehingga 24 jam. Ada juga sebahagiannya dikhatususkan hanya untuk subjek pembelajaran tertentu sahaja, seperti di makmal

kejuruteraan komputer dan makmal bahasa . Masalah ketidakcukupan komputer ini dilihat juga kepada sebahagian pelajar yang tidak mampu memiliki komputer sendiri.

Menyedari akan kepentingan komputer dan internet sebagai salah satu alat keperluan asas yang perlu disediakan bagi melengkapkan proses pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan serta penulisan di universiti , maka projek perkhidmatan komputer 1 Megalab yang telah dirancang sejak tahun 2005 telah berjaya dibangunkan dan dilaksanakan di Universiti Malaysia Sabah pada penghujung tahun 2007. Ia berperanan sebagai makmal komputer serbaguna utama di universiti ini. Ia bertujuan antara lainnya ialah untuk memastikan kelancaran dan keberkesanan proses pembelajaran dan pengajaran serta proses menimba ilmu pengetahuan secara online dan elektronik, di samping menampung jumlah pengguna komputer dan internet yang semakin ramai terutamanya di kalangan pelajar. Selain itu, ia juga bermatlamat untuk mewujudkan perkhidmatan komputer dengan nisbah 1 komputer : 4 pelajar.

Projek 1 Megalab ditempatkan di Perpustakaan dan perkhidmatannya dikendalikan oleh Unit Media dan Teknologi Pendidikan. Sebanyak 500 unit komputer *thin client* beserta dengan kemudahan internet disediakan, menjadikan ianya sebagai sebuah pusat perkhidmatan komputer setempat di universiti yang terbesar di Malaysia setakat ini . Perkhidmatan komputer ini berkonsepkan ‘free and easy’ dimana pengguna dapat menggunakan kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan secara percuma dan mudah untuk diakses. Masa beroperasi adalah selama 20 jam setiap hari, iaitu dari jam 8.30 pagi sehingga 4:30 pagi keesokan harinya.

Sebagai makluman YBhg Dato’, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Bersempena dengan majlis perasmian ini juga, satu pameran bertemakan “*Revolusi IT* ” turut diadakan dan antara bahan-bahan yang akan dipamerkan termasuklah mengenai sejarah kewujudan komputer dan kemajuannya serta keperluan dan kepentingannya kepada dunia hari ini. Selain itu, pameran buku oleh pembekal tempatan turut diadakan di samping Bengkel IT khusus untuk kakitangan UMS yang dikendalikan oleh pihak Unit Media dan Teknologi Pendidikan UMS.

Sebelum mengundur diri sekali lagi saya bagi pihak Universiti Malaysia Sabah merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada YBhg Dato’ Ir. Dr. Radin Umar yang telah berusaha hadir merasmikan majlis pada pagi ini. Terima kasih juga kepada semua jemputan yang turut memeriahkan

lagi majlis ini. Dan tidak lupa juga kepada Jawatankuasa Majlis ini terutamanya pihak Perpustakaan dan Unit Media dan Teknologi Pendidikan (UMTP) UMS, serta semua pihak yang sama-sama berusaha menjayakan majlis ini.

Sekian, Wassalammualaikum wbt.